

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN BENGKEL 'KELUARGA
GANTI – HARAPAN ANAK TANPA KELUARGA'
DI HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU, 13HB JANUARI 1990
PUKUL 9.00 PAGI

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha
Mengasihani.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zaleha
Ismail, Timbalan Menteri Pengangkutan
merangkap Yang Di-Pertua Majlis
Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia,

Dif-dif Kehormat;

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya, dapat kita bersama-sama berada di Majlis ini dalam suasana aman damai. Saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM) yang bergabung tenaga dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat kerana menjemput saya menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan Bengkel 'Keluarga Ganti - Harapan Anak Tanpa Keluarga' ini.

2. Saya difahamkan bahawa bengkel ini adalah sebahagian daripada aktiviti susulan Perayaan Hari Kanak-Kanak Sedunia ke-30 di Malaysia yang disambut pada 7hb Oktober 1989 yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada MKKM kerana

...telah/-



telah berjaya menganjurkan berbagai-bagai bengkel yang berkaitan dengan kesejahteraan kanak-kanak, sejajar dengan fungsinya sebagai pertubuhan yang giat dalam memajukan hal ehwal kanak-kanak Malaysia. Adalah menjadi harapan saya bahawa MKKM akan terus berusaha meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa supaya masa hadapan anak-anak kita akan terjamin.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Kita sudahpun melangkah ke tahun 1990, permulaan dekad yang penuh dengan berbagai cabaran. Tahun 1989 sudah berlalu dan ia meninggalkan banyak kenangan kepada kita semua, yang mana ianya sedikit sebanyak akan membawa kesan kepada kanak-kanak. Di beberapa buah negara terdapat kanak-kanak

... yang/-

yang hidup menderita, yatim piatu, terbiar, kelaparan dan ada di antara mereka yang terpaksa menggantikan alam persekolahan dengan medan peperangan. Menyedari hakikat ini, maka perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu telah bersetuju menerima Konvensi Hak Anak-Anak pada bulan November yang lalu yang menekankan betapa pentingnya kanak-kanak diberi perlindungan dan diselamatkan daripada keadaan yang menjejaskan kesihatan dan kesejahteraannya. Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel juga turut memperakui konvensi itu dengan harapan bahawa setiap bayi yang lahir mendapat kasih sayang dan diberi peluang membesar dalam suasana aman damai.

4. Kita harus bersyukur kerana kanak-kanak di negara ini lebih bernasib baik. Kerajaan
...mempunyai/-

mempunyai komitmen untuk membangunkan negara, menyediakan peluang pekerjaan serta berbagai program bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat. Keluarga yang masih hidup dalam kemiskinan, sama ada di kota dan di desa tidak akan diabaikan kerana beberapa program lain diwujudkan dari semasa ke semasa bagi mendorong dan membantu mereka yang berminat dan berusaha mengubah nasib diri sendiri. Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun menyediakan kemudahan memberi khidmat menjaga kesihatan, memberi pendidikan, menentukan kebajikan serta mengadakan aktiviti menggalakkan perkembangan kanak-kanak yang sihat. Semua program itu tidak memberi kesan sekiranya ibu bapa sendiri tidak menggunakannya dengan sebaik-baiknya dan anak-anak dibiarkan tanpa

...bimbingan/-

bimbingan rohaniah serta kawalan yang boleh memberi arah tujuan kepadanya.

5. Ibu bapa sebagai ketua keluarga harus menyempurnakan amanah yang diterima dan membimbing anak-anak supaya menjadi individu yang berakhlak mulia. Keluarga sebagai teras memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat. Maju-mundurnya sesuatu masyarakat bergantung penuh kepada keupayaan dan tindak-tanduk setiap keluarga di dalamnya. Tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan yang pesat akan membawa gejala buruk bersamanya dan sekiranya tidak berwaspada dan berikhtiar mengatasinya, besar kemungkinan ia akan membawa kepada perpecahan rumahtangga. Tanpa ikatan yang erat dan mesra, anak-anak yang sedang membesar akan

...mencari/-

mencari kepuasan di luar rumah. Dengan tidak disedari, sedikit demi sedikit mereka terdedah kepada pengaruh rakan sebaya dan jika pengaruh ini negatif, mereka akan terdorong ke arah jenayah, maksiat atau dadah.

6. Mengikut kajian Kementerian Kebajikan Masyarakat, pada tahun 1988 sebanyak 191 kanak-kanak telah teraniaya dan bilangan ini termasuklah 80 kes yang dikendalikan oleh Pasukan Mengesan Penganiayaan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kes-kes itu meliputi penganiayaan secara fizikal, seksual dan kes pengabaian. Apa yang menyedihkan ialah sebilangan besar daripada kanak-kanak itu dianiaya oleh ibu atau bapa kandung mereka sendiri. Di manakah

... anak-anak/-

anak-anak itu akan mendapat perlindungan jika orang yang diamanahkan bertindak kejam terhadap mereka? Selain daripada itu, terdapat juga bayi dan kanak-kanak yang ditinggalkan di hospital dan di tempat-tempat awam dalam keadaan yang menyedihkan. Bayi juga menghadapi risiko kerana kebelakangan ini mereka sering dijadikan bahan dagangan oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Mereka tidak teragak-agak menghancurkan harapan ibu bapa yang baru melahirkan bayi itu kerana tamak serta ingin mengaut keuntungan daripada pasangan yang sangat-sangat berhajatkan anak.

7. Daripada contoh kes-kes yang disebutkan itu, adalah nyata bahawa tidak semua bayi atau kanak-kanak berpeluang membesar dalam

...keluarganya/-

keluarganya sendiri. Masyarakat haruslah mengadakan langkah-langkah keselamatan melalui peruntukan undang-undang yang ketat atau mengambil alih tanggungjawab dan memberi perlindungan secukupnya kepada kanak-kanak yang malang. Kerajaan melalui penempatan di rumah kanak-kanak hanya dapat memberikan kemudahan dan jagaan daripada segi fizikal sahaja. Sebaik-baik layanan di rumah kanak-kanak, iaitu dalam kumpulan yang ramai, tidak akan dapat memenuhi keperluan emosi kanak-kanak yang berbeza-beza. Seindah dan semewah-mewahnya institusi tidak dapat mewujudkan suasana kekeluargaan yang mempunyai budaya hidup dan tradisi tersendiri.

8. Anak yang tidak berpeluang menghayati pengalaman yang unik itu, berkemungkinan
...tidak/-

tidak akan menjadi ibu bapa yang sensitif dan bertanggungjawab suatu hari nanti. Pakar-pakar dalam bidang perkembangan kanak-kanak sering mengingatkan kita kemungkinan kanak-kanak yang tinggal terlalu lama di institusi tidak berupaya berinteraksi dan bermesra dengan orang di sekelilingnya kerana ia tidak pernah merasai nikmat daripada pengalaman hidup berkeluarga. Oleh yang demikian mungkin perlu kita memikirkan semula tentang kebaikan dan keburukan tindakan memisahkan anak-anak yang miskin daripada persekitaran keluarganya sendiri dan menempatkan mereka di rumah-rumah anak yatim atas alasan mereka memerlukan peluang persekolahan yang lebih baik.

...Daripada/-

Puan-puan dan tuan-tuan,

9. Daripada Laporan Kajian Penduduk adalah dianggarkan bahawa pada tahun 1988 jumlah penduduk negara kita ialah seramai 16.9 juta. Daripada jumlah ini seramai 5.7 juta atau 33.7% adalah daripada kalangan kanak-kanak yang berumur di bawah 14 tahun dan hampir 2.2 juta pula berumur di bawah 4 tahun. Pada tahun 1990, jumlah ini dijangka meningkat masing-masing menjadi 6.4 juta dan 2.3 juta. Data ini jelas menunjukkan bahawa bilangan penduduk kanak-kanak adalah besar dan penting bagi kita memberikan perhatian yang serius kepada mereka. Perancangan bagi masa hadapan mereka harus disediakan dari sekarang supaya mereka dapat meneruskan usaha memakmurkan negara yang dicintai.

...Namun/-

10. Namun begitu, kita sedia maklum bahawa dalam melaksanakan tugas penting itu, kerajaan tidak dapat mencapai objektifnya bersendirian. Sokongan daripada semua pihak adalah diperlukan terutama sekali pertubuhan-pertubuhan sukarela, individu-individu termasuklah ibu bapa sendiri. Syukur alhamdulillah, masyarakat kita amat bermurah hati menderma dan memberi bantuan sebagai menyahut sesuatu rayuan. Sifat kemanusiaan itu haruslah kita kekalkan dan disesuaikan dengan keperluan yang nyata, di mana anak-anak kita yang hidup sebatang kara lebih memerlukan tempat bergantung serta identiti dalam suasana kekeluargaan. Mungkin satu tabung derma boleh diadakan bagi keluarga yang sanggup menjadi 'Keluarga Ganti' memberi belaian kasih sayang tetapi

...tidak/-

tidak berupaya berbuat demikian disebabkan oleh kurangnya sumbangan kewangan.

Para hadirin sekalian,

11. Sebentar lagi tuan-tuan dan puan-puan akan membincangkan berbagai isu berkaitan dengan keluarga ganti, fungsinya yang penuh dengan cabaran, kefahaman dan reaksi masyarakat terhadap keluarga ganti serta bagaimana khidmat itu boleh diperluas dan dipertingkatkan. Di samping itu, harus juga diperbincangkan bagaimana khidmat sebagai keluarga sukarela atau keluarga ganti itu boleh diterima umum dan dijadikan sebagai sebahagian daripada budaya masyarakat kita sekarang.

...Saya/-

12. Saya berdo'a semoga perbincangan-perbincangan ini akan berjalan dengan baik dan menghasilkan idea baru serta rancangan tindakan yang boleh membawa kebahagiaan kepada anak-anak kita yang kurang bernasib baik. Adalah menjadi hasrat saya melihat usaha itu terlaksana dan tercapai seberapa awal yang boleh, insya-Allah.

13. Dengan lafaz Bismillahir Rahamanir Rahim saya dengan sukacitanya merasmikan Bengkel Keluarga Ganti - Harapan Anak Tanpa Keluarga.

Wabillahi taufik, walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA